



SIARAN MEDIA

PENILAIAN IMPAK KELUARGA (FIA) BERI IMPAK POSITIF KEPADA INSTITUSI KELUARGA

BETONG, 15 MAC – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mensasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) akan meningkat dari 7.55 pada 2011 kepada 8.0 menjelang tahun 2020.

Menurut Menteri, Dato Sri Rohani Abdul Karim, bagi merealisasikan sasaran itu, Kementerian mencadangkan satu Penilaian Impak Keluarga atau *family impact assessment* (FIA) di bawah RMK-11 dilaksanakan dalam polisi dan perancangan pembangunan Negara.

“Penilaian ini penting bagi menilai kesan pelaksanaan polisi dan pembangunan ke atas keluarga agar impak polisi dan pembangunan lebih berkesan kepada institusi keluarga. Ini perlu diambil kira kerana institusi keluarga adalah unit asas pembangunan masyarakat dan turut merasai kesan langsung daripada sesuatu polisi pembangunan yang dilaksanakan,” katanya sewaktu ditemui pada Sidang Media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Siri Jelajah Keluarga Bahagia (JKB) 2015 di sini, hari ini.

Hadir sama, Dato’ Norsham Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, Razali Haji Gapor, Ahli Dewan Undangan Negeri Beting Maro, Dato’ Hajah Mariam Mas Yacob, Pengerusi LPPKN dan Dato’ Dr Siti Norlasiah Ismail, Ketua Pengarah LPPKN.

Jelas Rohani, usaha ini dilakukan melalui pemerkasaan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebagai *Family Centre of Excellence*.

“Antara perincian FIA adalah pembangunan senarai semak kepada para penggubal perancang polisi untuk mengambil kira perspektif keluarga dalam penggubalan polisi dan perancangan pembangunan yang diadakan,” tambah beliau.

Jelasnya, FIA akan melihat kepada prinsip seperti tanggungjawab, kestabilan, hubungan, kepelbagaian dan penglibatan keluarga.

Mengulas mengenai program JKB, Rohani berkata, ia adalah usaha kesinambungan berterusan Kementerian melalui agensi di bawahnya LPPKN untuk meningkatkan penglibatan semua peringkat masyarakat secara inklusif mengutamakan perspektif keluarga bersama kerajaan di peringkat masing-masing tidak kira swasta, NGO's, komuniti masyarakat dan ibu bapa sebagai pemimpin keluarga.

Tambah Rohani, bertemakan “Saya Sayang Keluarga Saya”, program yang berkonsepkan Karnival Keluarga Bahagia ini bertujuan untuk mengajak setiap ahli keluarga dan masyarakat supaya kembali memberi keutamaan kepada keluarga sebagai fitrah (*back to basics*) dalam setiap perancangan dan tindakan kehidupan kita.

Sebanyak 50 rakan strategik termasuk agensi kerajaan, swasta, NGO serta syarikat korporat terlibat dalam 10 lokasi Jelajah Keluarga Bahagia 2015 bermula di Pusa, Miri, Sibu dan Kuching bagi Negeri Sarawak, Beaufort dan Sandakan bagi Sabah dan di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada zon Tengah di Perak, zon Selatan di Melaka, zon Pantai Timur di Terengganu dan zon Utara di Kedah.

Sementara itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan bersama-sama di 10 lokasi JKB dan memperkenalkan program Klik Dengan Bijak (KDB) dalam usaha untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran tentang keselamatan serta penggunaan internet yang lebih positif dan mengingatkan masyarakat supaya lebih berwaspada dengan jenayah siber.

Disediakan oleh,

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

No 55, Persiaran Perdana, Presint 4

60200 Putrajaya

Tel: 03-8323 1000 samb.(1087/1088) Faks: 03-8323 2012 E-mel: info@kpwkm.gov.my